



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Pejabat Wilayah Utara
Aras 1, Bangunan Tabung Haji,
Jalan Bagan Luar,
12000 Butterworth,
Pulau Pinang, Malaysia
T: +60 4 32 38 228
F: +60 4 32 39 448
W: www.skmm.gov.my

Rujukan Kami: SKMM (T)/ 05-NRO/ 30/ Jld.

Tarikh: 30hb Ogos 2012

Bahagian Kaunseling dan Kerjaya,
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok,
Kedah Darul Aman

Tuan,

**KEKOSONGAN JAWATAN DI SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA PEJABAT
WILAYAH UTARA**

Dengan segala hormatnya, sukacita saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Pejabat Wilayah Utara dalam proses pengambilan tenaga kerja bagi mengisi kekosongan jawatan Penolong Pengarah Gred P4 (kontrak) dalam masa terdekat ini. Maklumat lanjut dan kelayakkan permohonan adalah seperti dalam lampiran A.
3. Sehubungan dengan itu, pihak SKMM berbesar hati sekiranya jabatan tuan dapat membantu mencadangkan calon-calon yang bersesuaian untuk ditemuduga. Sesi temuduga terbuka akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh	: 7hb September 2012
Tempat	: SKMM Pejabat Wilayah Utara, Aras 1, Bangunan Tabung Haji, 12000 Jalan Bagan Luar, Butterworth, Pulau Pinang
Masa	: 9.00 pagi – 5.00 petang

4. Semua permohonan beserta *resume* boleh di emailkan kepada tahashin.zubiar@cmc.gov.my sebelum 5hb September 2012. Sokongan jabatan tuan kami didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

1MALAYSIA, Rakyat didahulukan
Pencapaian Diutamakan

Salam Hormat,


GHOUSIA TAHASHIN BINTI SHADUN ZUBIAR
b.p Pengarah
Pejabat Wilayah Utara